

Memorandum

Bangunan Canselori
(Chancellory Building)
11800 USM
Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 04-6533888
www.usm.my

No. Ruj. : USM. 38/3 Jld. XIX

Tarikh : 23 Oktober 2025

Kepada : Semua Staf
Universiti Sains Malaysia (USM)

HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 48 TAHUN 2025

- PENAMBAHBAIKAN KEMUDAHAN CUTI HAJI KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan **Surat Edaran Rujukan: JPA(S)800-1/1/6 JLD.9(9)** bertarikh 10 September 2025 - **Penambahbaikan Kemudahan Cuti Haji Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam serta Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Ceraian SR.5.3.1 - Kemudahan Cuti Haji** mengenai perkara yang sama.

2. Sepertimana YBhg. Dato' Seri/Dato'/Datin/tuan/puan sedia maklum, Kerajaan telah memperuntukkan kemudahan Cuti Haji kepada Pegawai Perkhidmatan Awam melalui Perintah Am Bab C. Sejalan dengan komitmen Kerajaan untuk memelihara kebajikan Pegawai Perkhidmatan Awam serta memperkukuh penghayatan nilai ihsan dalam kerangka Malaysia MADANI, Kerajaan telah bersetuju untuk menambahbaik kemudahan Cuti Haji.

3. Oleh itu, pelaksanaan kemudahan Cuti Haji bagi **staf tetap** adalah seperti berikut :

- a) Cuti Haji boleh diluluskan kepada staf beragama **Islam** yang berjawatan **tetap** sama ada yang **telah** atau **belum disahkan dalam perkhidmatan**;
- b) Ketua Jabatan boleh meluluskan Cuti Haji bergaji penuh sehingga **40 hari** atau berdasarkan **tempoh yang ditetapkan oleh pengelola Jemaah Haji mengikut mana yang lebih tinggi**, termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am; dan
- c) Cuti Haji boleh diluluskan **sekali sahaja** dalam tempoh perkhidmatan.

4. Dalam masa yang sama, kemudahan Cuti Haji juga dipanjangkan kepada **staf lantikan kontrak** melalui **Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Ceraian UP.1.1.8 - Penambahbaikan Kemudahan Bagi Pegawai Lantikan Kontrak Perkhidmatan (Contract of Service) Dalam Perkhidmatan Awam**. Pelaksanaannya adalah berbeza daripada staf tetap dengan perincian seperti berikut :

- a) Staf lantikan kontrak yang telah berkhidmat tidak kurang empat (4) tahun boleh diluluskan Cuti Haji bergaji penuh **tidak melebihi 40 hari** termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am sepanjang tempoh perkhidmatan Kerajaan. Bagi pesara yang dilantik kontrak, syarat tempoh perkhidmatan empat (4) tahun ini tidak terpakai sekiranya mereka belum pernah menggunakan kemudahan ini sebelum bersara;

...2/-

HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 48 TAHUN 2025

- PENAMBAHBAIKAN KEMUDAHAN CUTI HAJI KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM

- b) Staf lantikan kontrak yang yang tidak layak kemudahan Cuti Haji bergaji penuh boleh dipertimbangkan **Cuti Tanpa Gaji tidak melebihi 40 hari** termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am untuk tujuan mengerjakan haji dengan syarat staf telah berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun. **Cuti Tanpa Gaji atas sebab yang lain tidak dibenarkan**; dan
- c) Cuti Haji boleh diluluskan **sekali sahaja** dalam tempoh perkhidmatan.
5. Perhatian dan kerjasama YBhg. Dato' Seri/Dato'/Datin/tuan/puan dalam mematuhi perkara ini adalah amat dihargai
6. Sekian, harap maklum.

Terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(SARINA BINTI RAZAK)

Timbalan Pendaftar

Bahagian Sumber Manusia

- Menjalankan Fungsi Ketua Bahagian Sumber Manusia

s.k. Naib Canselor

Pendaftar

Timbalan Pendaftar Kanan

Jabatan Pendaftar

Kampus Kesihatan

Timbalan Pendaftar Kanan

Jabatan Pendaftar

Kampus Kejuruteraan

Timbalan Pendaftar

Institut Perubatan dan Pergigian Termaju